

Latihan

- Penjajahan British memberi kesan terhadap sistem dan peradaban dengan memperkenalkan paradigma yang memandang sesuatu masalah atau gejala dalam masyarakat mengikut world-view _____.
- Penjajahan British dibuat berasaskan kepentingan kuasa penjajah Barat yang cuba memecahbelahkan kawasan Alam Melayu mengikut pembahagian kawasan _____.
- British menganggap agama sebagai elemen yang tidak _____ yang perlu diketepikan dalam proses mendapatkan ilmu.
- British memperkenalkan kerangka pemikiran _____ dalam pemikiran masyarakat Melayu.
- Salah satu ciri pemikiran sekularisme ialah pengosongan alam tabii dan akal insani daripada unsur _____.
- Penafian terhadap kekuasaan politik yang berdasarkan sumber _____ adalah satu lagi ciri sekularisme yang diperkenalkan oleh British.
- British memperkenalkan sistem penilaian relatif terhadap agama di mana manusia bebas menentukan _____.
- Ilmu agama diturunkan tarafnya berbanding ilmu bukan agama yang dikatakan hanya membawa _____.

saintifik

agama

jajahan takluk

ketuhanan

kemajuan

sekularisme

masa depan

Positivisme Barat